

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN TERBITAN TERBARU 1993 PENYAMPAIAN ANUGERAH
PENERBITAN 1992-93 JAMUAN MAKAN PENGARANG-PENGARANG UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA
Lokasi : KAMPUS UKM BANGI
Tarikh : 10-12-1993

Kecemerlangan mutu penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia menunjukkan kegigihan tenaga akademik dan pentadbirannya dalam memperkayakan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan matlamat dasar Pelajaran Kebangsaan yang bertujuan untuk memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam semua bidang pembelajaran. Oleh itu untuk mencapai kecemerlangan seterusnya Ketua Setiausaha Negara mecadangkan supaya para profesor menulis mengenai pentadbiran awam Malaysia sepertimana yang telah dibuat oleh para profesor di negara-negara maju.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, khasnya kepada Prof. Dr. Sham Sani kerana sudi mengundang saya untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi yang berbahagia ini. Saya sesungguhnya merasa amat terhormat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan para akademik, orang yang mencurahkan baktinya kepada ilmu pengetahuan dan mendidik anak-anak bangsa menjadi warganegara yang berguna - sebagai para pekerja yang berilmu pengetahuan tinggi : para peniaga, pegawai Kerajaan, para jurutera kilang, ahli politik dan sebagainya.

Universiti mempunyai peranan yang penting di dalam pembangunan negara. Kerana di sinilah para cerdik pandai kita berada. Di sinilah anak bangsa kita yang cerdas diasuh dan dididik menjadi pekerja-pekerja yang mahir dan berilmu pengetahuan tinggi. Universiti mesti menjadi salah satu tempat ketinggian daya cipta, ketinggian ilmu pengetahuan, ketinggian penerokaan dan penemuan. Dengan adanya beberapa ciri tersebut barulah universiti benar-benar menjadi kukuh dan mantap.

Pada hari ini saya telah diberi penghormatan melancarkan sepuluh terbitan terbaru Penerbit UKM yang dihasilkan oleh kakitangan universiti ini. Dalam hubungan ini saya memanglah menggalakkan pengkaryaan, khususnya dalam penulisan. Tradisi menulis dan berkarya adalah satu tradisi dan budaya yang baik yang dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan meninggikan martabat sesuatu bangsa.

Mengikut Joseph Addison: Books are the legacies that a great genius leaves to mankind, which are delivered down from generation to generation, as presents to the posterity of those who are yet unborn. Sebagai cerdik pandai, adalah menjadi amanah bagi tuan-tuan sekalian menulis buku-buku yang berkaitan dengan cabang ilmu masing-masing. Socrates pernah menyatakan: The way to gain a good reputation is to endeavour to what you desire to appear. Pesanannya ialah bahawa seseorang itu hendaklah mencuba. Masyarakat mahasiswa di universiti boleh mengetahui fikiran-fikiran professor mereka. Betapa pula masyarakat umum? Tidakkah benar kata-kata if you wish to know the mind of a man, listen to his words? Professor-professor sekalian adalah merupakan penyambung ilmu pengetahuan. Buku-buku yang ditulis adalah merupakan gedung pengetahuan. There is a Chinese proverb which says: to open a book brings profit. Books not only contain facts but the author's wisdom as well. Knowledge is knowing a fact. Wisdom is knowing what to do with that fact. Pada pendapat saya, para cendekiawan yang tidak menulis adalah merupakan orang yang tidak menyumbang kepada alam pemikiran. As professors you have the opportunity - the resources of the library and interaction between peers. Great opportunities come to those who make the most of small ones. Many a man creates his own lack of opportunities.

Kita sepatutnya menggiatkan penulisan dan penerbitan dalam bahasa Melayu khasnya bagi merakamkan budaya dan bangsa kita. Pertama, ini akan memberi sumbangan kepada khazanah ilmu pengetahuan mengenai bangsa dan negara kita.

Keduanya, akan meninggikan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa kebangsaan kita. Ini semua mestilah dilakukan dengan sedar dan jelas matlamatnya.

Dan daripada maklumat yang disampaikan oleh Naib Canselor tadi, jelas UKM sudah berjaya menjalankan tugasnya sebagai sebuah universiti ulung yang didirikan atas dasar pendidikan kebangsaan, dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Malah adalah jelas Universiti Kebangsaan Malaysia ini adalah benar-benar bersifat kebangsaan kerana bahasa pengantarnya bahasa Kebangsaan, dan pelajarnya terdiri daripada pelbagai kaum yang ada di negara ini, malah terdapat juga beberapa orang pelajar asing. Pada hari ini kita menyaksikan terbitan-terbitan terbaru karya kakitangan UKM. Kita juga akan menyaksikan penerima-penerima Anugerah Penerbitan UKM. Saya kira, semua ini menunjukkan perhatian berat UKM kepada kegiatan penerbitan ilmiah serta kualitinya. Ini tentulah sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti. Seperti yang dimaklumkan tadi oleh Naib Canselor, kegiatan penerbitan Penerbit UKM tidaklah besar dari segi saiz kakitangan tetapi terbitannya telah menunjukkan mutu yang tinggi dengan memenangi hadiah-hadiah buku peringkat kebangsaan yang diberikan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan juga oleh Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank.

Penulis-penulis buku hendaklah senantiasa menjaga mutu dan nilai karya masing-masing. One of the rows of the publishers is the tendency of writers to be paid high - in terms of royalty. They complain : writers are often paid by the word - never by the thought. Apa yang penting, nilai dan kualiti kandungan buku. Seorang pernah berkata mengenai how reading a good book can be enriching. It is not true that we have only one life to live; if we can read, we can live as many more lives and as many kinds as we wish. I would like to tell you a small story. At a dinner party, a Columbian professor was queried by a bright young thing.

"Mr. Professor, have you read so-and-so's book (naming a best seller of the moment)?" The professor confessed he had not. "Oh, you'd better hurry up - it's out over three months". The professor inquired, "My dear young lady, have you read Dantes Divine Comedy?" "No". "Then you'd better hurry up - it's been out over six hundred years". Pengajaran daripada cerita ini adalah tidak semestinya best seller itu dikenali, tetapi yang enduring tetapi adalah works of classics.

Saya mengaku bahawa menulis sesebuah buku itu bukanlah satu perkara yang mudah. Winston Churchill once said: writing a book is an adventure; it begins as an amusement, then it becomes a mistress, then a master, and finally a tyrant. Walau bagaimanapun, reputasi seorang professor itu banyak bergantung kepada hasil penulisannya. Amalan mencatatkan bidang-bidang ilmu yang diterokai dan diselidiki itu hendaklah dipertingkatkan. Rasulullah S.A.W. sendiri mempunyai jurutulis untuk mencatat: (i) ayat-ayat yang telah diturunkan. Apa yang kita dapati daripada Al-Quran adalah hasil daripada koleksi yang telah ditulis oleh para sahabat seperti Hassan bin Thabit; dan (ii) Nabi juga mengarahkan jurutulis Baginda untuk menulis dokumen-dokumen rasmi dalam membuat hubungan dengan negara-negara luar pada ketika itu. Cuma pada zaman tersebut, bahan-bahan tulisan adalah terbatas seperti pada pelepah tamar.

Tulisan-tulisan tersebut telah disimpan dengan baik dan apabila Baginda wafat, bahan-bahan tulisan seperti Al-Quran telah disimpan oleh isteri Baginda sendiri yang bernama Hafsa. Di samping itu, para sahabat seperti Ibnu Abbas juga mempunyai koleksi-koleksi tersendiri yang disimpan rapi.

Akhirnya ada hadis Nabi yang bermaksud, apabila seseorang itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara:

(i) amal jariah;

(ii) anak yang soleh; dan

(iii) ilmu yang dapat dimanfaatkan. Surah Al'Alaq ayat tiga dan empat yang bermaksud - bacalah dan Tuhanmulah yang maha pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan pena.

Tidak banyak buku-buku yang ditulis oleh profesor-profesor tempatan mengenai pentadbiran awam, samada buku-buku teks mahupun buku-buku kritik. Perkhidmatan awam adalah merupakan institusi yang

penting di dalam sistem Kerajaan di negara kita. Di negara-negara Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan di Eropah, buku-buku mengenai pentadbiran awam adalah ditulis oleh profesor-profesor di universiti-universiti negara itu. Perkhidmatan awam memerlukan pandangan daripada luar mengenai perjalanannya, sistem kerja dan sebagainya. Oleh itu, saya adalah berharap bahawa lebih banyak lagi buku-buku mengenai pentadbiran awam Malaysia akan ditulis oleh profesor-profesor kita, dan kami bersedia menyediakan bentuk pengiktirafan yang sesuai kepada hasil karya yang terbaik.

Sekarang saya adalah dengan amat sukacita melancarkan terbitan terbaru 1993 UKM dan dengan ini juga saya dengan sukacitanya menghadiahkan buku-buku berikut kepada Naib Canselor iaitu:

- (i) Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti;
- (ii) Kemajuan Pentadbiran Awam di Malaysia;
- (iii) Penerapan Nilai dan Budaya Cemerlang Dalam Pentadbiran Awam Malaysia;
- (iv) The Public Service of Malaysia;
- (v) Best of Harvard Club of Malaysia Speeches;
- (vi) Beberapa Ethos Pembangunan Negara;
- (vii) Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam 1990, 1991, 1992;
- (viii) Development Administration Circulars 1991, 1992 and 1993;
- (ix) Berurusan dengan Perkhidmatan Awam Malaysia;
- (x) The Changing Civil Service;
- (xi) Malaysia's Vision 2020;
- (xii) Upholding the Integrity of Malaysian Civil Service;
- (xiii) Pentadbiran Awam di Malaysia - Di Sebalik Imajinasi Kartunis;
- (xiv) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993) dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993; (xv) Islam and Justice; (xvi) Industrialization From An Islamic Perspective; (xvii) Ke Arah Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai; (xviii) Islam - Budaya Kerja dan Pembangunan Masyarakat - Satu Kefahaman; (xix) Kefahaman Orang-orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam; dan (xx) Jurnal IKIM - Jilid I No. 1 Julai/Disember 1993.